

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN ISMAIL [Jelebu]

TARIKH :

SOALAN : 80

Tuan Haji Zainudin Ismail [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana modul dalam program latihan Biro Tatanegeara (BTN) mampu meningkatkan tahap patriotisme dikalangan peserta khususnya generasi baru kini dan apakah hasil kajian semula terhadap modul Program BTN yang telah dijalankan.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Biro Tatanegara merupakan agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara serta nilai-nilai murni dan aspirasi bangsa Malaysia untuk mempersiapkan diri mencapai hasrat Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2020.

Untuk itu, BTN menyediakan pelbagai program dan latihan bukan hanya bertumpu dikalangan belia atau remaja sahaja malah mencakupi pelbagai aspek umur dan peringkat. Bagi memastikan isi kandungan dan modul kursus sentiasa berkualiti dan mencapai tahap keberkesanan yang optima, BTN membuat analisis terhadap maklum balas yang diberi oleh peserta.

Maklum balas tersebut diperolehi melalui 5 mekanisme iaitu Borang Penilaian Peserta, Laporan Penaziran Kursus, Penilaian dari Fasilitator dan Penilaian Urus Setia. Hasil daripada analisis dari Borang Penilaian Peserta, tahap pelaksanaan kursus BTN keseluruhannya ialah 8.87 (Skala Likert 10-Mata) seperti maklumat berikut :

| BIL | PERKARA | SKOR MIN |
|-----|--|----------|
| 1. | Sedar pentingnya semangat patriotisme | 9.05 |
| 2. | Sedar pentingnya mempertahankan maruah bangsa | 9.09 |
| 3. | Yakin terhadap keupayaan pemimpin menjalankan tugas | 8.66 |
| 4. | Lebih jelas mengetahui peranan dan tanggungjawab semasa bertugas | 8.95 |
| 5. | Boleh menganalisis terhadap isu-isu semasa negara | 8.59 |
| 6. | Memahami sebab musabab sesuatu dasar dilaksanakan | 8.76 |
| 7. | Mendapat ramai kawan dan jaringan sahabat | 9.00 |

Berdasarkan penilaian yang telah dibuat oleh peserta kursus dari pelbagai kaum, di dapatkan bahawa program-program yang dilaksanakan oleh BTN telah berjaya memberi kesedaran dan peningkatan semangat cinta kepada negara.

Elemen patriotisme telah dapat ditanam dikalangan peserta dan dalam masa yang sama nilai-nilai murni yang menjadi teras dalam program ini telah juga dihayati.

Selain itu, program-program yang dilaksanakan ini juga telah berjaya memberi kefahaman dan kesedaran kepada peserta tentang pentingnya maruah negara dipertahankan.

BTN juga ingin memberi penekanan bahawa dalam usaha memupuk semangat patriotisme di kalangan golongan generasi baru, tanggungjawab tersebut tidak hanya perlu dipikul oleh BTN semata-mata, malahan semua pihak sama ada agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan perlulah berkerjasama dalam menganjurkan program-program kepada generasi baru yang dapat memupuk dan memantapkan budaya patriotisme dan sayangkan negara seterusnya melahirkan warganegara yang cintakan tanah air.

Sekian, terima kasih.